



USM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Koperasi
USM
Berhad**



LAPORAN TAHUNAN 2008



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI USM BERHAD KALI KE-33

TARIKH : 31 OKTOBER 2008

MASA : 9.00 PAGI

TEMPAT : DEWAN KULIAH SK1



KANDUNGAN

MUKASURAT

Kenyataan Pengerusi Lembaga	1
Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke 33	4
Agenda Mesyuarat Agung Tahunan ke 33	5
Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 32	8
Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman	26
Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 30 April 2008	38
Anggaran Belanjawan Bagi Tempoh 1 Mei 2008 – 30 April 2009	84

KENYATAAN PENGERUSI LEMBAGA



Assalamualaikum Wr. Wb. dan Salam Sejahtera
Ahli-ahli Koperasi USM Bhd.

Menyingkap beberapa dekad yang telah luput, kita mendapati KUSMB sarat dengan pengalaman dan pengajaran, suatu ukuran dan penanda aras yang meletakkan kita sederet dengan saingan-saingan yang terdekat. Dunia terus berubah dengan pantas. Dengan IT dan globalisasi, pengalaman yang lalu tidaklah sebegitu bernilai dalam perancangan strategik sebagaimana berlaku sebelum ini.

Hari ini KUSMB mahu berbeza daripada saingan-saingannya, mahu menjadi yang pertama di kalangan tersama. Perubahan-perubahan yang berkehendakkan KUSMB melaksanakan proses-proses perniagaan dengan lebih cekap, fleksibel dan sepadan; memenuhi permintaan pelanggan; dan cepat menyempurnakan perkhidmatan dan proses baru dalam masa yang pendek dan kos yang rendah. Semua jabatan, cawangan dan outlet KUSMB perlu diperkasakan dengan sistem Back Office dan Front Reception yang lebih berkesan bagi meningkatkan produktiviti, daya saing dan budaya kerja yang berorientasikan pemikiran masa depan. Kita akan memberikan perhatian kepada aliran kerja dan keputusan-keputusan yang boleh mendatangkan impak. Aktiviti-aktiviti paling utama yang mempengaruhi pendapatan dan keuntungan kepada perniagaan akan disuburkan sewajarnya. Sumber modal dan cashflow akan diperkukuhkan, sederet dengan peningkatan wang tabungan dan prasarana.

Pada nada yang lain, KUSMB akan terus membawa imej baru; tertanda dengan penjenamaan book garden, Ushoppe dan pada masa depan pengwujudan ikon-ikon dan lanskap baru perniagaan sebagai multi talian hayat kepada koperasi. Dalam dunia perniagaan, kita akan menjalinkan beberapa kerjasama pintar dengan rakan-rakan strategik dan mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama dengan pelanggan-pelanggan utama.

Amanah, tanggungjawab sosial dan faktor-faktor kemanusiaan akan disepadukan dengan profesyenalism, produktiviti dan ganjaran serta pulangan yang lebih menarik.

InshaAllah, kita akan lakukan bersama.

PROF. MADYA MOHAMAD SUHAIMI JAAFAR
b.p. Pengerusi Lembaga

**USM**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KOPERASI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD**(U.S.M. CO-OPERATIVE LTD)****UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

11800 PULAU PINANG, WEST MALAYSIA.

TEL: 04-6533888 EXT. 3229, 3230 FAX: 04-6575688 E-mail: usmcoop@tm.net.my

Ruj: UP/CB/AGM33/08

Tarikh : 15 Oktober 2008

ANGGOTA YANG MENGHADIRI MESYUARAT INI AKAN
DIBERI ELAUN KEHADIRAN SEBANYAK RM20.00.Semua anggota
Koperasi Universiti Sains Malaysia BerhadBERSAMA-SAMA INI DISERTAKAN BUKU LAPORAN
TAHUNAN 2008. SILA BAWA PADA HARI MESYUARAT.

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-33

1. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-33 akan diadakan pada 31 Oktober 2008 (Jumaat), Jam: 9.00 pagi di Dewan Kuliah SK1, Universiti Sains Malaysia.
2. Sehubungan dengan Mesyuarat Agung Tahunan ini dapat kiranya pihak tuan/puan kembalikan pengesahan kehadiran tuan/puan.
3. Pendaftaran adalah pada jam 8.30 pagi. Mesyuarat akan dimulakan tepat jam 9.30 pagi..
4. Sekiranya terdapat sebarang aduan atau usul yang mahu dibincangkan dan dibuat keputusan oleh Mesyuarat Agung, hendaklah diberikan notis kepada Koperasi ini dalam tempoh tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung ini.
5. Kehadiran tuan/puan diucapkan terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas

(MOHD PISOL GHADZALI)
Setiausaha Lembaga Pengarah

Daripada:

No. Ahli:

Setiausaha Lembaga Pengarah
Koperasi USM Berhad
Universiti Sains Malaysia


Saya akan menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-33 Koperasi USM Berhad, Universiti Sains Malaysia, yang akan diadakan pada 31 Oktober 2008 (Jumaat), jam: 9.00 pagi di Dewan Kuliah SK1, Universiti Sains Malaysia.

Sekian, terima kasih. :

(Tandatangan anggota)

sk : Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang

**AGENDA
MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN
KE-33**



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Koperasi
USM
Berhad**

KOPERASI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-33 PADA 31 OKTOBER 2008
BERTEMPAT DI DEWAN KULIAH SK1
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA JAM 9.00 PAGI

A G E N D A

1. Ucapan aluan Pengerusi Lembaga KUSMB 2007/2008

Pengerusi Lembaga KUSMB 2007/2008 akan memberikan ucapan aluan bersempena Mesyuarat Agung Tahunan Ke-33

2. Memilih Pengerusi Mesyuarat Agung Ke-33

Menurut Seksyen 32(1), Undang-undang Kecil, peruntukan bagi pemilihan Pengerusi Mesyuarat Agung adalah seperti berikut :-

Seorang anggota yang dipilih oleh majlis mesyuarat hendaklah mempengerusikan Mesyuarat Agung itu.

Oleh itu mesyuarat diminta memilih seorang Pengerusi.

3. Melantik suatu jawatankuasa untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Ke-33.

Menurut Seksyen 31(1)(j), Undang-undang Kecil, mesyuarat diminta melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota, dan empat orang anggota Lembaga termasuk Pengerusi Mesyuarat untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 33.

4. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Ke-32.

Setiausaha Lembaga akan membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-32 yang telah diadakan pada 29 Oktober 2007 untuk disahkan.

*Cedang Aras -
Sobong Alan Osman
msg-27*

5. Menimbang Laporan-laporan

Setiausaha Lembaga akan membentangkan laporan-laporan berikut :

- 5.1 Laporan Lembaga *ms 29 - 33*
- 5.2 Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman *ms 34*
- 5.3 Pandangan Ketua Pendaftar ke atas Laporan Penyata Kewangan dan Akaun Teraudit Bagi Tahun Berakhir 30 April 2007. *ms 35 - ms 38*

6. Menimbang dan meluluskan Laporan Penyata Kewangan dan Akaun Teraudit Bagi Tahun Berakhir 30 April 2008.

Bendahari Lembaga akan membentangkan laporan penyata kewangan yang tersebut di atas.

*Cedang Rashi Md. Djal.
Bku Pn Reshida*

7. Menimbang dan meluluskan cadangan pembahagian keuntungan bagi Akaun Berakhir 30 April 2008.

Pengerusi Lembaga akan membentangkan cadangan pembahagian keuntungan selepas pembahagian berkanun dan cukai.

Cedang Hsdi

Sibuy Zehaul

8. Menimbang dan meluluskan belanjawan bagi tahun kewangan 1 Mei 2008 – 30 April 2009.

Bendahari Lembaga akan membentangkan anggaran belanjawan (perbelanjaan dan pendapatan) tersebut.

9. Memilih Anggota-anggota Lembaga

3 anggota Lembaga mengosongkan jawatan mereka mengikut Seksyen 35(1) Undang-undang Kecil, tetapi boleh dilantik semula.

10. Meluluskan perlantikan suatu panel firma audit untuk dipilih bagi mengaudit akaun-akaun Koperasi.

Mesyuarat diminta meluluskan perlantikan suatu panel firma audit seperti berikut :-

- i) Ahmad Abdullah & Goh
- ii) Jamal, Amin & Partners
- iii) Salihin Consultant Group (Kuzaimi & Co.)
- iv) Peter Chong & Co.

11. Menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi ini.

Menurut Seksyen 31(1)(i) Undang-undang Kecil, mesyuarat diminta menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi ini. Mesyuarat akan menimbang cadangan had maksimum pinjaman ditetapkan sebanyak RM3 juta (RM3,000,000.00)

12. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi ini.

Menurut Seksyen 31(1)(h), Undang-undang Kecil, mesyuarat diminta menentukan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi ini. Mesyuarat akan menimbang cadangan had pelaburan maksimum untuk membeli aset tetap dan saham ditetapkan RM2 juta (RM2,000,000.00)


13. Cadangan pindaan Undang-undang Kecil selaras dengan arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Mesyuarat diminta meneliti deraf pindaan Undang-undang Kecil yang telah disediakan mengikut garis panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk diluluskan.

14. Mendengar, menimbang dan memutuskan apa-apa urusan lain koperasi atau aduan-aduan yang suatu notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung telah diberikan kepada Koperasi ini.

Mesyuarat ini akan menimbang perkara-perkara lain yang telah disampaikan kepada Setiausaha Lembaga Koperasi, tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat ini jika ada.

MINIT
MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN
KALI KE-32



USM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Koperasi
USM
Berhad

KOPERASI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD
MESYUARAT AGUNG (KUSMB)
(No. Pendaftaran Syarikat : 4806)
11800 USM, Pulau Pinang

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-32 yang telah diadakan pada hari Isnin,
29 Oktober 2007, jam 9.30 pagi di Dewan Kuliah A,
Kampus Induk, Universiti Sains Malaysia

Hadir : 388 anggota seperti di Lampiran A

Turut hadir : Puan Rozani Ibrahim
Pegawai
Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang

Encik Shahul Hameed Abdul Kudus (Pengurus Audit)
Cik Zurina binti Mohd Zaini (Pembantu Audit)
Tetuan Salihin Consultant Group (Kuzaimi & Co)

Encik Muhammad Amran Abdul Aziz
Pengurus
Koperasi Universiti Sains Malaysia Berhad

Penolong-Penolong Pengurus
Cawangan-cawangan Kedai
Koperasi Universiti Sains Malaysia Berhad

1. ✓ Pengerusi Lembaga mengucapkan terima kasih kepada anggota-anggota lembaga yang hadir. Tidak ketinggalan beliau mengalu-alukan para tetamu dan anggota-anggota Koperasi.

Pengerusi mengucapkan Selamat Hari Raya serta Selamat Berpuasa kepada yang berpuasa enam kepada anggota-anggota yang hadir.

Pengerusi juga turut mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Dato' Chin Fook Weng atas penganugerahan gelaran Tan Sri pada Julai 2007.

Pengerusi turut mengucapkan terima kasih kepada 2 buah bank yang bekerjasama dengan pihak koperasi iaitu Bank Kerjasama Rakyat dan Public Bank Berhad.

Beliau turut menyampaikan ucapan maaf daripada Setiausaha Lembaga kerana tidak dapat menghadiri Mesyuarat Agung pada kali ini memandangkan beliau terpaksa menghadiri mesyuarat di luar negeri.

Selain itu, Pengerusi turut menyampaikan ucapan maaf dari dua orang ahli Lembaga Pengarah yang tidak dapat hadir, Dr Munavvar Zubaid Abdul Sattar (No. 4674) yang berada di Kuala Lumpur menghadiri urusan keluarga dan Dr Zakaria Kassim (No 4564) yang telah bertugas di Klang .

Pengerusi memulakan ucapan dengan menerangkan:

a) Perancangan koperasi

Dimaklumkan bahawa ada beberapa perancangan yang dirancang pada tahun lepas tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab yang diluar jangkauan dan kawalan koperasi.

Antara perancangan yang tidak berjaya dilaksanakan adalah:

i) Basikal Elektrik

Perancangan ini masih tertakluk kepada pihak USM. Ini memandangkan bas USM masih beroperasi di dalam kampus. Selain itu, masalah bagi mengecas bateri basikal juga tidak dapat diputuskan.

2) Tiket Bas

Sebelum ini pihak koperasi pernah bekerjasama dengan Syarikat Bas Komtar Gunung Raya, namun kerjasama itu tidak dapat diteruskan memandangkan terdapat isu kenaikan

- harga tiket pada musim perayaan yang tidak munasabah.

Kerjasama dengan pihak Syarikat Bas Transnasional pula dilihat tidak membawa keuntungan kepada koperasi selain dari bebanan kerja staf yang bertambah.

3) Stesen Minyak

Pihak USM tidak bersetuju dengan cadangan pembinaan stesen minyak tersebut. Selain itu, kebenaran bertulis perlu diperolehi dari pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan pihak Shell Malaysia.

b) Kemajuan Koperasi

Antara kemajuan yang telah berjaya dicapai oleh pihak Koperasi USM sepanjang tahun 2006/2007 adalah seperti berikut :

- i) Anugerah Koperasi Terbaik peringkat Negeri Pulau Pinang. (Exco Koperasi 2007)
- ii) Koperator Terbaik Pulau Pinang bagi tahun 2007.
- iii) Menjadi tumpuan lawatan sambil belajar dari ahli koperasi Dunia Ketiga yang mengikuti kursus Kepimpinan Koperasi di Maktab Kerjasama Rakyat.

c) Usaha didalam perancangan

- i. Majlis Penjenamaan Semula Kedai Buku kepada 'Book Garden' pada 14 November 2007 bertempat di Cawangan Koperasi Kedai Buku USM di Kepala Batas.
- ii. Agen kutipan pinjaman bagi Bank Kerjasama Rakyat.
- iii. Usaha berterusan bagi projek Stesen Minyak.

d) Cabaran Koperasi

- i) Diantara cabaran yang dihadapi oleh pihak Koperasi adalah apabila terpaksa membayar modal anggota sebanyak **RM157,000.00** kepada **30 orang ahli** yang berhenti keanggotaan dari koperasi.
- ii) Seramai **18 orang ahli** telah dluluskan untuk berhenti dari keanggotaan dan sebanyak **RM 178,901.58** perlu dibayar kepada mereka dan menyebabkan berlakunya kekangan aliran tunai.
- iii) Pihak Koperasi perlu menolak permohonan ahli yang ingin mengeluarkan sebahagian saham mereka.
- iv) Pihak koperasi juga perlu menggunakan kemudahan bank

bagi menjalankan perniagaan, namun ini mengurangkan keuntungan yang dapat dicapai memandangkan faedah yang dikenakan oleh pihak bank bagi kemudahan tersebut adalah agak tinggi.

- v) Pihak Pustakawan USM juga telah memberikan peluang kepada koperasi untuk mendapatkan kemudahan E-books yang bernilai setengah juta.
- vi) Selain itu, pameran yang diadakan di ruang legar perpustakaan Kampus Induk pada minggu lalu amat tidak menggalakkan memandangkan tidak ramai pensyarah dan ahli koperasi yang datang dan 'recommend' buku.

iv) Pembayaran Dividen

- i) Mesyuarat Lembaga telah mencadangkan dividen sebanyak 5% pada tahun ini. Dividen tersebut akan dibayar secara tunai kepada ahli.
- ii) Diharap dengan membuat bayaran secara tunai, ahli-ahli akan membeli barangan di cawangan koperasi dan dengan cara tidak langsung membantu meningkatkan jualan.
- iii) Namun begitu, pembayaran tersebut akan dibuat setelah pengesahan saham dilakukan oleh ahli-ahli serta kemaskini data ahli berjaya disiapkan.
- iv) Setiap ahli koperasi akan dihubungi melalui surat bagi memaklumkan tarikh dividen tersebut boleh diambil.

Pengerusi turut melahirkan ucapan terima kasih kepada Naib Canselor USM, pihak Jabatan Pembangunan, Jabatan Bendahari, Jabatan Pendaftar dan Jabatan Keselamatan USM. Tidak dilupakan juga kepada Dekan, Pengarah, Pensyarah, Penyelaras, Pusat-pusat pengajian, Ketua jabatan dan Staff USM. Malahan ucapan terima kasih juga kepada Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang, Kakitangan Koperasi USM Berhad serta pihak bank, Public Bank Berhad, Bank Kerjasama Rakyat, Bank Muamalat Malaysia Berhad, CIMB Bank Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad.

Memilih Pengerusi
Mesyuarat Agung
ke 32

2. Mesyuarat sebulat suara memilih Prof Madya Dr. Md Roslan Hashim (No. 4928) sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Ke 32 setelah dicadangkan oleh Profesor Saringat Hj Baie (No. 0455) dan disokong oleh Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240)

Melantik Suatu
Jawatankuasa Untuk
Menentusahkan Draf
Minit Mesyuarat
Agung ke 32

3. Mesyuarat memilih 6 orang anggota Jawatankuasa untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Ke 32

Dr Ainuddin Bahari (No.2373) mencadangkan Puan Zahara S. Jaffar (No.4781) dan disokong sebulat suara.

En Rizol Md Ariff (No 4671) telah mencadangkan En. Abu bin Othman (No.0379) dan disokong sebulat suara.

Profesor Saringat Hj Baie (No. 0455) mencadangkan En. Anas Hasan (No.1696) dan disokong sebulat suara.

En Wan Mazlan Wan Ab Rahman (No.4764) telah mencadangkan Puan. Ansuya Narhari (No.4829) dan disokong sebulat suara.

Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240) mencadangkan Tuan Hj Salim Mohd Yunos (No. 2304) dan disokong sebulat suara.

Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240) mencadangkan Puan Rashidah Begum (No. 0305) dan disokong sebulat suara.

Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240) mencadangkan agar cadangan ditutup dan disokong sebulat suara

Mesyuarat bersetuju memilih enam (6) orang anggota berikut:

1. Puan. Zahara S. Jaffar (No.4781)
2. En Abu bin Othman (No.0379)
3. En Anas bin Hasan (No.1696)
4. Puan Ansuya Narhari (No.4829)
5. Tuan Hj Salim Mohd Yunos (No.2304)
6. Puan Rashidah Begum (No.0305)

4 orang anggota Lembaga adalah seperti berikut:

1. Pengerusi
2. Timbalan Pengerusi
3. Setiausaha
4. Bendahari

Pengerusi Mesyuarat Agung, Prof Madya Dr. Md Roslan Hashim (No.4928) akan mempengerusikan Mesyuarat Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat.

Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Ke-31

4. Pengerusi Lembaga bagi pihak Setiausaha Lembaga membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-31 yang telah diadakan pada 31 Oktober 2006 untuk disahkan.

Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No.0240) mencadangkan supaya Minit Mesyuarat tersebut disahkan dan disokong oleh Puan. Zahara S. Jaffar (No.4781).

Menimbang Laporan-laporan

5. Pengerusi Lembaga telah membentangkan Laporan Tahunan seperti berikut:

i. Laporan Lembaga (muka surat 31-35)

Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240) mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada staf koperasi kerana walaupun bilangan staf berkurangan, namun prestasi kerja yang diberikan masih memuaskan, diharap prestasi yang lebih cemerlang dapat diberikan pada tahun yang akan datang

Beliau bertanya berkaitan sasaran jualan koperasi sebanyak RM15 juta pada tahun hadapan dan bagaimana cara-cara bagi mencapai sasaran tersebut, memandangkan jualan pada tahun ini meningkat sebanyak 300 ribu berbanding tahun lalu.

Pengerusi Lembaga menyatakan bahawa sasaran RM15 juta jualan merupakan sasaran peningkatan jualan 50% dari tahun ini, malahan pihak koperasi akan berusaha mencari peluang-peluang perniagaan lain seperti dengan mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam usaha merealisasikan sasaran jualan tersebut.

Puan Rashidah Begum (No.0305) bertanyakan tempoh sasaran jualan tersebut akan dicapai. Pengerusi Lembaga menerangkan, sasaran tersebut adalah bagi tahun perakaunan berakhir April 2008.

Tn Hj Mohamad bin Din (No. 1698) menanyakan tentang sistem ISO yang dipraktikkan di perpustakaan dan mengapakah koperasi tidak mempraktikkan standard yang sama.

Pengerusi Lembaga menyatakan bahawa pihak koperasi mempraktikkan 'Kawalan Mutu' dalam servis yang ditawarkan kepada para ahli dan pelanggan.

Tn Hj Mohammad bin Din (No. 1698) juga menegur tentang nama salah seorang ahli yang tercicir dalam jawatankuasa Kedai Mahasiswa iaitu Tuan Hj Salim Mohd Yunos (No.2304).

Pengerusi Lembaga memohon maaf di atas nama Tuan Hj Salim Mohd Yunos (No.2304) yang tercicir dari senarai ahli Jawatankuasa Kedai Mahasiswa. Beliau juga menyatakan bahawa pihak koperasi mempraktikkan 'Quality Control' dalam servis yang ditawarkan kepada para ahli dan pelanggan.

Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240) mencadangkan agar laporan lembaga diterima dan diluluskan serta disokong oleh En Muniandy Ramayah (No.1268).

ii) Laporan Jawatankuasa Audit Dalam (muka surat 36)

Tan Sri Dato' Chin Fook Weng mencadangkan lawatan Jawatankuasa Audit Dalam yang lebih kerap ke setiap cawangan agar sebarang masalah dapat dikenalpasti lebih awal. Malahan, elaun audit wajar dinaikkan agar mereka dapat melakukan pengauditan dengan lebih kerap.

Pengerusi Lembaga bersetuju dengan cadangan tersebut malahan menggalakkan jawatankuasa audit untuk menjalankan audit yang lebih kerap tanpa penambahan elaun.

Profesor Madya Dr Mohamad Suhaimi Jaafar (No.4320) menegaskan bahawa pihak kewangan harus meneliti perkara ini dan pemantauan yang berterusan serta menjalankan audit berdasarkan keperluan. Beliau turut menyatakan aspek kualiti dan kos yang efektif dalam menjalankan kerja audit. Beliau berpendapat bahawa terdapat banyak cara bagi memantau cawangan. Selain daripada laporan Jawatan Audit Dalam, mesyuarat pengurusan dan laporan-laporan yang diwajibkan dalam Mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil ada beberapa mekanisma lain untuk memantau operasi.

Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240) mencadangkan agar laporan jawatankuasa audit dalam diterima dan diluluskan serta disokong sebulat suara

iii. Pandangan Ketua Pendaftar (muka surat 37-39)

Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240) bertanyakan tentang jumlah modal syer anggota yang berhenti sebanyak RM8421.00 dan pengesahan modal syer anggota yang tidak mendapat respon dari ahli dan satu jalan penyelesaian harus

difikirkan.

Pengerusi Lembaga menerangkan masalah ini timbul memandangkan bilangan ahli yang berhenti agak besar, malahan pada awal penubuhan koperasi, ramai pelajar yang telah mendaftar menjadi ahli dengan jumlah minimum saham ketika itu hanya sebanyak RM5.

Pihak Jabatan Pembangunan Koperasi mencadangkan agar wang tersebut diletakkan dibawah Kumpulan Wang tidak Dituntut dan diserahkan kepada Amanah Raya, namun begitu, Pengerusi Lembaga menyatakan jika wang tersebut diletakkan di dalam Amanah Raya, wang tersebut tidak dapat dituntut balik oleh Koperasi terutamanya apabila terdapat pelajar yang menyambung keanggotaan mereka apabila menjadi staf USM. Oleh itu Koperasi bercadang untuk menyemak secara terperinci sebelum menyerahkan wang tersebut kepada Amanah Raya.

Pengerusi Lembaga turut menegaskan bahawa pihak koperasi akan terus mengenalpasti lokasi ahli yang tersebut dan cuba untuk menyelesaikan isu tersebut dalam tahun ini.

Tn Hj. Abdul Hadi Yaakob (No. 4636) menegur bahawa pengesahan dari pihak ahli sahaja tidak boleh dianggap tepat, memandangkan mungkin terdapat kesilapan dalam pengiraan saham samada terlebih atau terkurang catat.

Bendahari Lembaga menegaskan bahawa pengesahan tersebut adalah pengesahan dari pihak audit luar yang menghantar salinan penyata ahli secara rawak, namun tidak ramai yang memulangkan kembali penyata tersebut.

Tan Sri Dato' Chin Fook Wrng (No. 0240) mencadangkan agar Pandangan Ketua Pendaftar diterima dan diluluskan serta disokong sebulat suara.

Bendahari Lembaga membentangkan Laporan Akaun dan Penyata Kewangan untuk pertimbangan mesyuarat.

Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240) mengucapkan tahniah diatas peningkatan dalam jumlah keuntungan. Namun beliau ingin tahu berapakah anggaran dari jumlah keuntungan ini adalah penjimatan daripada penjimatan staf. Selain itu, beliau juga ingin tahu kedudukan tuntutan-tuntutan yang masih diproses dan adakah koperasi mempunyai dasar yang jelas tentang apa yang boleh dituntut dan tidak harus dituntut.

Menimbang dan Meluluskan Laporan Penyata Kewangan dan Akaun Teraudit Bagi Tahunan Berakhir 30 April 2007.

6. Bendahari Lembaga menjelaskan bahawa penjimatan ini dapat dilihat dengan jelas dalam perbelanjaan yang melibatkan gaji dan KWSP, SOCSO dalam akaun berakhir 30 April 2007. Selain itu pemantauan yang berterusan oleh pihak pengurus dan penolong pengurus harus dilakukan supaya dasar ini dapat diteruskan.

En Anas bin Hasan (No.1696) mempersoalkan tentang peningkatan elaun audit dalam di mukasurat 49 dan mukasurat 85.

Bendahari Lembaga menyatakan kemungkinan terdapat akaun yang tersalah dikategorikan dan pihak Jawatankuasa Kewangan akan mengenalpasti punca peningkatan tersebut.

Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240) mencadangkan agar Laporan Penyata Kewangan dan Akaun Teraudit Bagi Tahunan Berakhir 30 April 2007 diterima dan cadangan beliau disokong sebulat suara.

Menimbang dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Bagi Akaun Berakhir 30 April 2006

7. Pengerusi membentangkan cadangan pembahagian keuntungan bagi akaun berakhir 30 April 2007 iaitu RM112,404.32 sebagai dividen 5%, * Kumpulan Wang Penebusan Syer RM27,182.33, Kumpulan Wang Kebajikan Am RM17,447.10, Tabung Aktiviti Pelajar Masyarakat RM17,447.10, Tabung Biasiswa Anak Anggota RM17,447.10, Tabung Pembangunan RM17,447.10 dan Tabung aktiviti Pelajar Jurusan Farmasi RM2,482.58..

Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240) mencadangkan agar cadangan pembahagian keuntungan diluluskan dan disokong oleh Puan Zahara S. Jaafar (No. 4781).

Menimbang dan Meluluskan Belanjawan Bagi Tahun Kewangan 1 Mei 2007 – 30 April 2008

8. Bendahari membentangkan Belanjawan Koperasi bagi Tahun Berakhir 30 April 2008 pada muka surat 79.

En. Abu bin Osman (No. 0379) mencadangkan agar Belanjawan Bagi Tahun Kewangan 1 Mei 2007 – 30 April 2008 diterima dan disokong oleh Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240).

Memilih Anggota-Anggota Lembaga dan Anggota-Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman.

9. a) Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat tiga (3) kekosongan anggota Lembaga seperti berikut:

Profesor Saringat Hj Baie (No. 0455), Dr Zakaria Kassim (No.4564) dan En. Rizol Md Ariff (No.4671) akan mengosongkan jawatan sesuai dengan Undang – Undang Kecil KUSMB selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993

(Pindaan 1995) dan boleh dilantik semula untuk kategori anggota lain.

Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240) mencadangkan Profesor Saringat Hj Baie (No. 0455) dan disokong oleh Puan Alice Oh Siew Lee (No. 0508)

Profesor Madya Dr Mohamad Suhaimi Jaafar (No.4320) mencadangkan Profesor Madya Dr. Md Roslan Hashim (No. 4928) dan disokong oleh Profesor Saringat Hj Baie (No. 0455).

Profesor Madya Dr Mohamad Suhaimi Jaafar (No.4320) mencadangkan Dr Othman bin Sulaiman (No.4777) dan disokong oleh En Amanullah Rahman Shah (No. 1334)

Tuan Hj Abdul Hadi Yaakob (No. 4636) mencadangkan En Rizol Md Ariff (No.4671) dan disokong oleh En A.Rahman Ismail (No. 1378)

En Abu bin Othman (No.0379) mencadangkan agar cadangan ditutup dan disokong oleh En Hassan bin Abdullah (No 1835)

Memandangkan hanya terdapat tiga kekosongan, dan 4 calon yang ingin mengisi kekosongan tersebut, maka undian telah dijalankan.

Mesyuarat telah melantik Profesor Madya Dr. Md Roslan Hashim (No. 4928), Profesor Saringat Hj Baie (No. 0455) dan Dr Othman bin Sulaiman (No.4777) bagi mengisi 3 kekosongan tersebut.

b) En Abu bin Othman (No.0379) mencadangkan ketiga- tiga Jawatankuasa Audit Dalam dikekalkan.

Namun, pengundian dijalankan memandangkan En. Mohamed Illias Shahul Hamid (No.1310) tidak hadir pada mesyuarat kali ini.En Abu bin Othman (No.0379) mencadangkan agar kekosongan tersebut diisi oleh En Ng Chek Wan (No.1423) dan disokong sebulat suara.

Dengan ini, mesyuarat telah melantik Jawatankuasa Audit Dalam seperti berikut:

1. Pn. Chew Mun Wai (No.1343)
2. En. Anas bin Hassan (No.1696)
3. En Ng ~~Chek~~ Wan (No.1423)

enp Hode No 10 (1207)

- Meluluskan
Perlantikan Suatu
Panel Firma Audit
untuk dipilih bagi
Mengaudit Akaun-
Akaun koperasi
10. Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu panel firma Juruaudit Luar perlu diluluskan untuk dipilih sebagai Juruaudit Luar Koperasi.
- Pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa Juruaudit Luar dicadangkan seperti berikut:
- Ahmad Abdullah & Goh
 - Jamal, Amin & Partners
 - Salihin Consultant Group
 - Peter Chong & Co
- En. Abu bin Othman (No.0379) mencadangkan supaya kesemua firma audit tersebut dipilih untuk dipertimbangkan oleh Anggota Lembaga dan Tan Sri Dato' Chin Fook Weng (No. 0240) menyokong.
- Menentukan Had
Maksimum
Keterhutangan
Koperasi
11. Bendahari memaklumkan bahawa Anggota Lembaga mencadangkan had maksimum keterhutangan berjumlah RM3 juta untuk digunakan sebagai modal kerja untuk kelulusan mesyuarat.
- En Abu bin Othman (No.0379) mencadangkan agar had keberhutangan koperasi diluluskan dan disokong oleh En Narhari Thakorlal (No. 1534)
- Menimbang dan
Meluluskan Skop
dan Had Pelaburan
Yang Dibiayai Oleh
Wang Berlebihan
Koperasi ini
12. Bendahari mencadangkan supaya skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi sebanyak RM 2 juta.
- En Rosli Mohd Diah (No.1174) mencadangkan supaya skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi diterima dan disokong oleh En Abu bin Othman (No.0379)
- Mendengar,
Menimbang dan
Memutuskan Apa-
Apa Urusan Lain
Koperasi atau Aduan
- Aduan yang Suatu
Notis Tidak Kurang
daripada Tujuh (7)
Hari Sebelum Tarikh
Mesyuarat Agung
Telah Diberikan
Kepada Koperasi ini.
13. Pengerusi memaklumkan terdapat satu usul yang telah dikemukakan oleh Tuan Hj Abdul Hadi Yaakub (No. 4636) dan disokong oleh Puan Nurliana Mohd Ali (No. 5080)
- Usul 1:**
- Dicadangkan pengauditan modal syer semua anggota Kedai Buku Koperasi USM. Audit Luar diminta untuk mengaudit semua modal syer. anggota Koperasi ini kerana terdapat keraguan dalam sistem pengiraan komputer yang sedia ada dan juga tidak ada penelitian secara manual. Ini kerana saya dimaklumkan mengenai kesilapan pengiraan dividen melalui sistem komputer yang sedia ada. Berkemungkinan*

berlakunya kesilapan yang terlepas pandang. Saya sepatutnya mendapat RM3084.15, tetapi tersilap pengiraan komputer hanya RM2084.00. Sistem pengiraan computer ini tidak relevan dan tidk tepat. Oleh itu disarankan pengauditan semua modal syer anggota Koperasi.

Jawapan :

Usul tersebut diterima dan pengesahan penyata saham oleh ahli-ahli harus dilakukan.

Pengerusi mesyuarat menangguhkan mesyuarat pada jam 12.00 tengahari.

KEHADIRAN KE MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 32

KOPERASI USM BERHAD

29-09-2008 29-10-07

BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI	BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI
1	001282	A MARIMUTHU A/L AYEROO	31	004801	ANEES JANEER ALI
2	001378	A RAHMAN ISMAIL	32	001419	ANG FUEY PHAIK
3	001931	ABD RAHNI MAT PIAH	33	004721	ANISAH BINTI HUSSAIN
4	001493	ABD WAHAB ABU HASSAN	34	004829	ANSUYA A/P NARHARI
5	005086	ABD. RAHMAN KHALID	35	001258	ASIAH PAKIR MOHD
6	004754	ABDOLLAH BIN ALI MUSA	36	004600	ASMA SHARIFF
7	002300	ABDUL GHANI SALLEH	37	004983	AYUB BIN ISMAIL
8	004939	ABDUL HALIM BIN ISMAIL	38	004998	AZHARI BIN ABDUL AZIZ
9	004844	ABDUL JALIL BIN ISHAK	39	004681	AZIZAH EMBI
10	005107	ABDUL JALIL BIN SUID	40	004599	AZIZAH JAMAL
11	004949	ABDUL JALIL BIN WARIS	41	004655	AZIZAH NOOR
12	004639	ABDUL JALIL CHIN ABDULLAH	42	004861	AZMAN ABDULLAH
13	004903	ABDUL MUTALIB BIN SAAD	43	005062	AZMI BIN ABDULLAH
14	001538	ABDUL MUTALIB ISMAIL	44	004962	AZMI BIN IBRAHIM
15	004946	ABDUL RAHMAN BIN OTHMAN	45	004761	AZMI BIN SAMSUDIN
16	004985	ABDUL WAHAB BIN AYOB	46	004557	BALA SAMY
17	001837	ABIDIN SHAFIEE	47	004629	BOOPALAN SOUNDARAJU
18	000379	ABU BIN OTHMAN	48	001302	CARMEN CHEAH GAIK IM
19	004843	ADI HARRIZAM BIN ABDUL MAJID	49	001549	CHAN KAM CHEE
20	004528	AHMAD ABD MAJID	50	004900	CHE GAYAH BINTI CHE ROSE
21	004543	AHMAD FAUZI ABDUL HAMID	51	001434	CHE MERAH ISMAIL
22	004567	AINI YUSOF	52	004627	CHE PUTEH SHAARI
23	002373	AINUDDIN BAHARI	53	004964	CHE SAAD BIN CHE MAT
24	004834	AISHAH BINTI ABU BAKAR	54	004830	CHE SHARIFAH BINTI MAAROP
25	004734	ALI BIN ABD RAHIM	55	004815	CHE ZAHARAH IDRIS
26	000508	ALICE OH SIEW LEE	56	004783	CHE ZAUYAH BINTI SAAD
27	001334	AMANULLAH RAHMAN SHA	57	001297	CHEAH KWEE TIEN
28	002437	AMIN RAZIP BIN HASSAN	58	001809	CHEAH TENG BOON
29	002537	AMINAH ISMAIL	59	001501	CHEE SAI GNOW
30	001696	ANAS HASAN	60	001343	CHEW MUN WAI

KEHADIRAN KE MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 32
KOPERASI USM BERHAD
29-09-2008

BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI	BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI
61	000240	CHIN FOOK WENG	91	005097	HAMIDAH BINTI OMAR
62	001294	CHOW CHENG POR	92	005044	HAMIDATON BIN BAKAR
63	001467	CHOW NGAN KAM	93	005069	HAMZAN BIN YUSOFF
64	004857	CHUA SOO YEAN	94	004757	HANISAH BINTI LAZIM
65	001386	CHUAH LIAN SIAH	95	001414	HAPISAH BINTI MAT
66	001424	CLEMENT G D'SILVA	96	002922	HASAN SUKIT
67	004803	DASYILAHANIM MOHD DESA	97	005018	HASHIM BIN OTHMAN
68	004704	DEMAS BINTI HARUN	98	004638	HASLINDA ZAKARIA
69	004967	EMELDA ROHAIZA BINTI MOHD RADZI	99	004652	HASMAWATI HASSAN
70	003291	ENA JAMAL	100	004864	HASNAH BINTI AWANG
71	004772	FADZLIYATON BINTI HASSAN	101	001835	HASSAN BIN ABDULLAH
72	004899	FADZZILAH BINTI IBRAHIM	102	004894	HASSAN BIN TALIB
73	004675	FAIZAH ATAN	103	004658	HATIJAH SAID
74	004820	FARAH SHAFINAZ	104	004839	HINDON BINTI ZAINOL ABIDIN
75	004712	FARIDA BINTI SAWAI	105	001417	HOW KHIM BAN
76	004725	FARIDAH BINTI IDRIS	106	005075	HUSAINI BIN YAACOB
77	004718	FARIDAH BINTI ISHAK	107	004909	HUSNA BINTI HASAN
78	004717	FARIDAH BINTI JUSOH	108	004873	HUSNAH BINTI ARIFFIN
79	004585	FARIDAH SHAHIRAN	109	004735	HUSRIATI BINTI HUSSAIN
80	004927	FATIMAH BINTI HASSAN	110	005052	HUZIAH BINTI HAJEE TAJUDEEN
81	002321	FATIMAH SALEH	111	004958	IDRIS BIN ALI
82	004701	FAUZI CHE DON	112	004607	ISHAH SUDIN
83	004684	FAUZIAH ISMAIL	113	001336	ISHAK ZAKARIA
84	004871	FAUZIAH ISMAIL	114	001530	J BALAN GOVINDARAJU
85	004789	FAUZILAH BINTI MD HUSSAIN	115	004548	JABARULKHAN E S ISMAIL
86	004841	FAUZZILINA BINTI MOHAMED HUSIN	116	004979	JAGATHESAN A/L RAMASAMY
87	004838	FAZILLAH BINTI AHMAD YUSOFF	117	004724	JAHARA BEE ABDUL RAHMAN
88	005091	FIRDAUS BIN MOHAMAD	118	004969	JAMALUDDIN BIN YAHAYA
89	004897	HALIMATON EKMAR BINTI ABDUL HADI	119	004651	JAMALUDDIN MOHD ALI
90	004965	HALIZA BINTI AWANG	120	004988	JAMIL BIN HASHIM

KEHADIRAN KE MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 32
KOPERASI USM BERHAD
29-09-2008

BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI	BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI
121	004758	JAMILAH BINTI AHMAD	151	000639	LIM SUAN HEOH
122	004643	JAMNAH AHMAD	152	001255	LOH KIM FOONG
123	005000	JULIA BINTI JAAFAR	153	001193	LOO HOON HOOI
124	001014	JULIE CHUAH SUAN CHOO	154	004633	MAHANI LAZIM
125	004872	JUMIYA BINTI AHMAD	155	004874	MAHZOM BINTI ABDULLAH
126	004755	JUNAIDAH BINTI ABU BAKAR	156	004918	MAIZATULHANA BINTI MUHAMMAD
127	004853	JUNIK BIN IBRAHIM	157	004619	MAREHAN BORHAN
128	004961	KALMIT SINGH A/L MAHINDAR SINGH	158	004940	MARIAM BT AZMI
129	005031	KAMAL BIN PUTEH	159	004814	MARSHITA RAHIM
130	004719	KAMISAH BINTI MD NOH	160	004546	MARYPAN KM MUTHU
131	004547	KANAGAIESPARY GOVINDA RAJU	161	004957	MAT DESA BIN KARDIMUN
132	004598	KARTINI KASSIM	162	004731	MAZIYAH BINTI ARIFFIN
133	004535	KHADLJAH HJ YUSOFF	163	004896	MAZLAN BIN ABDUL HALIE
134	004706	KHAIRI HASHIM	164	005081	MAZLAN BIN ABDUL MALIK
135	005023	KHAIRUL AZMAN BIN HAMID	165	004570	MAZLINA ABDUL MANAF
136	004738	KHALID BIN AHMAD	166	004835	MD NOH BIN SOHAIMI
137	001209	KOAY BEAN HUAT	167	003296	MD NOOR BIN DIN
138	004601	KOAY CHENG TAY	168	004928	MD ROSLAN BIN HASHIM
139	001520	KOAY LENG NEO	169	004683	MD SALLEH OTHMAN
140	001325	KOAY SAW SEE	170	004973	MD TAHIR BIN RAMLI
141	004556	KOH KAR MEOW	171	001224	MD. YAAKOB MD YUSOF
142	001242	KOO KIN SEONG	172	001364	MERYAM RABU
143	001168	LEE CHONG YAN	173	004749	MHD RIZAL BIN RIPAI
144	001511	LEE CHOOI WAN	174	004877	MOHAINI BINTI ISMAIL
145	001383	LEE KIM ENG	175	001960	MOHAMAD AZLAN HASHIM
146	001215	LEE TENG SWEE	176	001698	MOHAMAD BIN DIN
147	004714	LEE WEI YIN	177	005059	MOHAMAD KHAIRI BIN JUNUS
148	001727	LIM BEE EAN	178	004659	MOHAMAD NASIR TALIB
149	001210	LIM CHIN POH	179	005036	MOHAMAD NORDIN BIN SAAD
150	001548	LIM HUE HONG @ LIM HWEE HONG	180	004320	MOHAMAD SUHAIMI JAAFAR

KEHADIRAN KE MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 32
KOPERASI USM BERHAD
29-09-2008

BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI	BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI
181	004806	MOHAMAD TARMIZI HAT	211	004602	NORR EZAH MOHD ZAIN
182	004999	MOHAMED KHALID BIN AWANG	212	001404	NORR JAHAN MYDIN
183	004982	MOHAMMAD HAJI BIN AHMAD	213	004848	NORR LAILI BINTI MAT ISA
184	004744	MOHD FEKERY BIN GHAZALI	214	005049	NOORDIN BIN AHMAD
185	005053	MOHD HADZRI BIN ABDULLAH	215	004992	NOORDIN BIN ISMAIL
186	004617	MOHD HUSNI GHAZALI	216	004614	NOORLELA AHMAD
187	004728	MOHD HUSNUL MUBARAQ	217	004625	NORAIN OMAR
188	004941	MOHD IDRIS BIN HJ ALI	218	005022	NORAINI BINTI MD. ZIN
189	001500	MOHD IDRIS SYED SULAIMAN	219	004711	NORAINI BT MAT YUSOF
190	001373	MOHD KASSIM ABDUL RAZAK	220	004689	NORAIZA ABDUL LATIFF
191	004919	MOHD PISOL BIN GHADZALI	221	004779	NORAKEMAR MOHAMAD
192	004745	MOHD POUZDI BIN MOHD NOOR	222	004695	NORAZEAN NOOR MOHAMAD
193	001174	MOHD ROSLI MOHD DIAH	223	005098	NORAZIMAH BINTI IBRAHIM
194	005060	MOHD SUHAIDI BIN AWANG	224	004756	NORAZLEENA NOOR MOHAMAD
195	004597	MOHD ZAINI ASMAWI	225	004952	NORHAYATI BT ABDUL RANI
196	004669	MOHD ZAMADI OMAR	226	004626	NORHAYATI MD SALLEH
197	004994	MUHAMAD BIN ALARAKA	227	004654	NORIAH AHMAD
198	004746	MUHAMMAD ITHNIN SAFARUDDIN SHAH	228	004571	NORIDA HJ ALI
199	000012	MUMDAS BEHAM ABD KARIM	229	004911	NORLELA BINTI HASHIM
200	001454	MUN SOOK YI	230	004650	NORLIA AHMAD
201	001268	MUNIANDY S/O RAMAYAH	231	005029	NORLIA BT MOHD IBRAHIM
202	004832	MUNIRAH BINTI NOOR	232	004762	NORLIAH BINTI NATT
203	004157	NAILUL MURAD MOHD NOR	233	004804	NORLIZA MOHD IBARAHIM
204	001534	NARHARI THAKORLAL	234	004703	NORMA MOHAMED GOUSE
205	004200	NAZIRAH AHMAD AZLI	235	004616	NORSALWATI MD SALLEH
206	001423	NG CHEK WAN	236	004840	NUFUSIJAH BINTI WARI
207	001658	NG CHOON FOOK	237	005080	NURLIANA MOHAMED ALI
208	001207	NG ENG HOCK	238	004870	NURRUL HASYDA BINTI MOHD HASIM
209	001262	NG KAM HONG	239	001267	OH SENG YIN
210	004849	NOOR AISHAH BINTI ABDUL AZIZ	240	001289	ONG CHIN HWIE

KEHADIRAN KE MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 32
KOPERASI USM BERHAD
29-09-2008

BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI	BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI
241	001439	ONG CHUN EE	271	004776	ROKIAH BINTI HASHIM
242	004924	OON SIEW SUAN	272	001552	ROKIAH OMAR
243	004777	OTHMAN SULAIMAN	273	004560	ROSHIDA MOHAMAD
244	001338	OTHUMAN MYDIN ABD RAHMAN	274	004568	ROSHIMAH HASSAN
245	004628	PAHAMIAZAM ALI	275	004682	ROSHIMI HUSAIN
246	004794	PATHINATHAN SAVARE	276	004760	ROSITA BINTI YUSOF
247	004753	PAUZIAH BINTI MAN	277	004981	ROSLAN BIN YUSOFF @ YUSUF
248	004247	PEH KOK KHIANG	278	004303	ROSLAN HUSSAIN
249	004540	PERBAGARAN PEETIKA VALAPPIL	279	004929	ROSLIA BINTI HUSSAIN
250	001403	PHOON SOOK CHING	280	004800	ROSLAH MOHAMAD SALEH
251	004914	PHUAH SENG TAT	281	004584	ROSLI HABIB
252	000089	QUAH KUNG HAI	282	004620	ROSLI TAIB
253	004811	RADZIAH HJ ABD MANAN	283	004709	ROSY TEH CHOOI GIM
254	004310	RAHMAH BAHAROM	284	005009	ROZIAH BINTI MOHAMAD RAPANDI
255	005039	RAMDAM BIN OTHMAN	285	004770	ROZIE ANIZA KARTINI CHE GHANI
256	004309	RAMLAH AHMAD	286	004737	ROZYTA BINTI LOKMAN
257	004807	RAMLEE YAHAYA	287	004808	RUSLAN AHMAD
258	000305	RASHIDAH BEGUM	288	004858	RUSNAH BINTI CHE AMAT
259	004910	RASILAH BINTI SAID	289	004667	RUZINI OMAR
260	004987	RIDZUAN BIN ABDULLAH	290	004805	SA SIVAGAMYAMAI
261	004555	RIZALAWATI AYU ABDUL RAZAK	291	004665	SAARAH ABDULLAH
262	004671	RIZOL MD ARIFF	292	005008	SADHASIVAM A/L KONDIAH
263	004631	ROGAYAH MOHAMAD	293	004796	SAFIEN BIN SAAD
264	005024	ROHAIDA BINTI IDRIS	294	004213	SAKINABI MD IBRAHIM
265	004539	ROHANA MAS'OD	295	002304	SALIM MOHD YUNOS
266	004856	ROHANI BINTI HASHIM	296	004951	SALMIAH BT OTHMAN
267	004813	ROHANI JAAPAR	297	004773	SAMSURI BIN MUSA
268	004971	ROHAYA BINTI ISMAIL	298	004622	SANTHI MUNUSAMY
269	004932	ROHILATIFAH BAHARUM @ HARUN	299	001470	SANTHU C A FELIX
270	004906	ROHIZANI BINTI YAAKUB	300	001471	SANTHUS STANLEY FRANCIS

KEHADIRAN KE MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 32
KOPERASI USM BERHAD
29-09-2008

BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI	BIL	NO. AHLI	NAMA AHLI
301	004685	SARIFAH SHAWAL	333	001261	TAN KOK NANG
302	004678	SARIMAH OMAR	334	001345	TAN PAI LING
303	000455	SARINGAT HJ BAIE	335	001385	TAN SEOW PHENG
304	004647	SARUR HADI	336	001150	TAN SOON PENG
305	004812	SERE BANUN ABDULLAH LATIFF	337	001307	TEH SIEW HONG
306	004842	SHA'ARI BIN YA'AKUB	338	004865	TEH TOH SENG
307	001547	SHAFII AHMAD	339	001327	TEOH CHEW HING
308	004868	SHAHANOM BINTI MOHTAR	340	001256	TEOH OO SWAN
309	005151	SHAMSUL BAHRI BIN MAT SAID	341	005046	THALHAH BIN HASSAN
310	001426	SHARIFAH NOORAZAR	342	001429	THAM SOCK YING
311	001347	SHERIFFA ALLUYAH S JAAFAR	343	000046	TOH GEIK KIM
312	004624	SITI AISHAH HAMID	344	004869	TOH SEONG CHONG
313	001655	SITI BALKIS SYED ALI	345	001212	TOH WENG TUCK
314	001654	SITI HAWA SALLEH	346	004831	UMUL HAPSAH BINTI MOHAMAD
315	004780	SITI KHAIRON ISMAIL	347	000093	UYUB ABDUL MANAF
316	004823	SITI NORAINI JUPRI	348	004542	VASANTHA VENGADASALAM
317	004922	SITI RUZAINAH BINTI OMAR	349	004778	VENUGOPAL SUBRAMANIAM
318	004697	SITI ZUBAIDAH MOHAMED IBRAHIM	350	004604	VIJAYALETCHUMI VALUSAMY
319	004608	SIVAGURU KRISHNAN	351	005025	WAN AZNI BINTI WAN MOHAMAD
320	004948	SOBRI BIN AZIZ	352	004666	WAN HUSSAIN WAN NAWANG
321	004765	SOLIHA BINTI HAJI YUSOFF	353	004764	WAN MAZLAN WAN AB RAHMAN
322	004837	STEPHAN CHIA MING SOON	354	004591	WAN MOHAMAD FAUZY
